

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA GOTONG ROYONG MEGA
PADA 1 JANUARI 2013
DI KOMPLEKS DEWAN KULIAH, KAMPUS PAUH PUTRA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Sedekad Gemilang, UniMAP di Hati.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daud Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku Pendaftar UniMAP

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan

Yang Berbahagia Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul untuk menjayakan Program Gotong Royong Mega di Kampus Pauh Putra pada petang ini sempena kedatangan Tahun Baru 2013. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua warga UniMAP kerana sudi hadir untuk bersama-sama bergotong royong pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran kita semua di sini pada petang yang ceria ini menunjukkan bahawa kuatnya semangat kekeluargaan antara kita warga UniMAP.

Ladies and Gentleman

First of all, I would like to take this opportunity to wish all of you a Happy New Year. I must say that time flies so fast, and little that we realized 2012 has left us with bittersweet memories. The journey we took last year is another valuable lesson for us in pursuing our dreams in 2013.

Do not fear mistakes and let the failure stop you from moving forward. In order to succeed, your desire for success should be greater than your fear of failure.

What distinguishes a successful man and failure is his determination and perseverance. As word of a Famous Inventor, Thomas Alva Edison "Our greatest Weakness lies in Giving up. The most certain way to succeed is always to try just one more time".

Hadirin sekalian,

Semalam, 2012 telah melabuhkan tirainya, sepanjang tahun 2012 pelbagai kenangan kejayaan dan pahit manis yang telah kita rasai,

namun semua itu kita berjaya harungi bersama. Ini semua adalah hasil usaha dari anda semua yang komited dalam melaksanakan tugas yang telah diberikan tanpa mengenal erti jemu dan putus asa. Jutaan terima kasih dan tahniah saya ucapkan. Tanpa kerjasama dari anda semua, saya percaya semua ini tidak akan menjadi kenyataan sehinggakan kita disegani oleh universiti-universiti yang lebih lama.

Jika tahun lalu kita berbangga dengan usia Sedekad Gemilang UniMAP, maka sewajarnya tahun ini telah tiba masanya bagi kita semua untuk membuka lembaran baru di tahun 2013 ini yakni tahun ke -11 kewujudan UniMAP. Saya sebagai Naib Canselor bersama-sama dengan pengurusan UniMAP telah mempunyai pelbagai perancangan untuk sama-sama kita laksanakan pada tahun ini bagi menaikkan lagi nama universiti yang kita sayangi ini.

Dan semestinya, perancangan yang telah digariskan ini tidak sempurna jika tiadanya penglibatan daripada keseluruhan warga UniMAP tanpa mengira pangkat dan jawatan. Komitmen dan keterlibatan semua warga UniMAP sahaja yang akan membantu memahat nama universiti yang kita sayangi ini sebagai antara 500 universiti terbaik di dunia.

Hadirin sekalian,

Jika kita imbas kembali kejayaan di dalam dan luar negara yang kita kecapai sejak Januari hingga Disember 2012, tak terkira banyaknya. Antaranya kemenangan penyelidik muda kita di International Exhibition for Young Inventors (IYIE 2012), Thailand; Malaysia Technology Expo (MTE) 2012; MURoC 2012; The Exposition on Islamic Innovation (i-INOVA) 2012; 37th International Invention Show (INOVA 2012), Croatia; Seoul International Invention Fair (SIIF) 2012; dan yang terbaru di

World Inventor Award Festival (WIAF) 2012, Korea Selatan serta banyak lagi kejayaan yang tidak dapat saya sebutkan di sini.

Dalam bidang sukan juga kita tidak ketinggalan apabila muncul juara keseluruhan Kejohanan Golf Antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia Ke-40; Juara Keseluruhan kali kelima berturut-turut pada SUKUM ke 37, di Universiti Utara Malaysia serta yang terbaru kita menyapu bersih Lima Emas bagi acara tenis Sukan Institusi Pengajian Tinggi (Sukipt) 2012, November lalu. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada anda semua yang telah berjaya mengukir nama UniMAP, samada di dalam mahupun di luar negara.

Namun, saya ingin mengingatkan agar kita tidak berasa selesa dengan apa yang kita kecapai ini. Ini kerana, kejayaan kita ini pasti akan hilang sekiranya kita lalai atau gagal mempertahankannya. Oleh itu, kita haruslah berusaha lebih gigih untuk mendapat kejayaan yang lebih baik di masa akan datang.

Hadirin sekalian

Baru-baru ini DYTM Tuanku Canselor bertitah pada Kursus Pemantapan Jatidiri Nasional siri III 2012 lalu. Baginda mahukan strategi yang baik perlu digerakkan segera agar segala perancangan yang digariskan tercapai dan bukan sekadar cakap kosong sahaja.

Baginda juga mahukan golongan akademik menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi dan menjadi rujukan utama kepada masyarakat dan negara serta para penyelidik UniMAP haruslah menentukan hala tuju universiti yang baik dalam memastikan universiti ini mampu menghasilkan “nobel laureatte” negara.

Saya mengambil berat perkara yang dititahkan DYT M Tuanku Canselor ini dan menyeru agar semua para penyelidik menanamkan azam di tahun baru ini bagi meningkatkan lagi aktiviti penyelidikan berimpak tinggi yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat di negara kita.

Hadirin sekalian,

Marilah kita bersama-sama merealisasikan masa depan yang lebih baik untuk UniMAP yang kita sayangi ini. Ia bukannya sebuah mimpi malahan ia dalam rangkulan kita, jika kita sanggup merancang dengan teliti dan bekerja keras bagi mencapainya. Tidak ada yang mustahil jika kita mampu mengimpikannya, sesungguhnya hari-hari yang terbaik kita masih berada di hadapan kita bukannya sudah tinggal dalam lipatan sejarah

Saya amat berharap agar segala yang telah direncanakan pada tahun ini akan dapat kita laksanakan dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh agar mencapai matlamat yang diharapkan

Sebelum mengakhiri ucapan izinkan saya menyampaikan sedikit untaian kata azimat :

***Jiwa akan sepi tanpa teman
Hati akan mati tanpa iman
Hari ini adalah kenyataan,
Semalam adalah kenangan
Esok adalah impian
Sucikan hati jernihkan fikiran
Semoga 2013 terlaksana impian***

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.